

BAB ENAM

KAEDAH-KAEDAH MENGATASI HALANGAN

DIALOG PERADABAN

6.1 Pengenalan

Pada hemat penulis semua halangan yang wujud dalam penganjuran dialog peradaban lebih mempunyai perkaitan langsung dengan nilai intrinsik manusia. Ia bukan semata-mata masalah ruang dan peluang untuk berdialog, prasarana yang ada, institusi yang diwujudkan dan seumpamanya. Ia sebenarnya bertitik tolak daripada isi hati nurani manusia sendiri, khususnya di kalangan mereka yang mempunyai autoriti atau mandat iaitu penguasa politik tempatan dan di peringkat antarabangsa. Pada zaman Rasulullah s.a.w. baginda dimusuhi bukan kerana keperibadian mulianya tetapi kelahiran risalah Islam telah menggugat *status quo* kaum Qurasyh dari segi kepimpinan kabilah, kepercayaan turun temurun, dan secara tidak langsung kuasa ekonomi dalam komuniti Arab Mekah ketika itu. Penentangan kaum Qurasyh tidak berlaku melainkan keperibadian mereka sarat dengan nilai dan sifat *mazmumah*.

Oleh itu, satu dasar yang autentik dan universal serta plan jangka pendek dan panjang mesti digubal bagi mengatasi masalah fundamental ini. Namun ia masih

terpulang kepada komitmen dan kesungguhan peserta dialog untuk giat berusaha menjayakan penganjuran dialog peradaban.

6.2 Kaedah Mengatasi Halangan Dialog Peradaban

Berikut ialah beberapa kaedah yang praktikal untuk pertimbangan semua pihak yang terbabit untuk dilaksanakan.

6.2.1 Reformasi Kepimpinan dan Struktur PBB

Selepas pengasasan PBB pada tahun 1945, keamanan sejagat menjadi matlamat utamanya. Dengan segala kuasa dan mandat semua negara bangsa di dunia, peranan dan pengaruh yang diterima PBB adalah cukup besar dan sangat penting di persada antarabangsa. Dengan harapan ini iaitu untuk “menyelamatkan generasi akan datang daripada kesengsaraan peperangan”,¹ tragedi peperangan antara manusia seperti yang berlaku dalam dua perang dunia pada 1917-18 dan 1941-1945 dahulu dapat dielak dan keamanan sejagat dapat diwujudkan.

Namun, hakikatnya setelah kira-kira 59 tahun usia PBB, rekod pencapaiananya memaparkan kelernahan dan kecacatan dalam pelaksanaan kuasa dan mandat yang diberi, terutamanya dalam melaksanakan misi keamanan dan keselamatan di negara-negara

¹ Michael Pollard, *Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu*, Terjemahan Md. Sharif Bharuddin (Kuala Lumpur: DBP & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995), hlm. 5

bergolak terutamanya negara-negara Islam. Ironisnya kegagalan ini berpunca daripada percaturan pengasas PBB itu sendiri iaitu Amerika Syarikat. Sungguhpun berbagai bentuk resolusi dan usaha Majlis Keselamatan dilaksanakan untuk menangani konflik antara negara, ia kelihatannya hanya memihak ke atas kuasa-kuasa besar dunia berkenaan atau sekutunya. Hal ini sangat ketara dalam tindak tanduk Britain dan AS khasnya, apabila kuasa besar ini cuba mengatasi fenomena terorisme antarabangsa yang didakwa didalangi oleh orang Islam. Pengendalian isu Palestin-Israel, Afghanistan dan terbaru di Iraq jelas mempamerkan kebaculan badan dunia itu yang tunduk dan akur dengan tindakan AS dan sekutunya. Richard Gott dalam tulisannya bertajuk *The United Nations: the End of an Era* mendedahkan bahawa sikap memihak PBB ini dengan ulasan berikut : “*Far from being a democratic assembly of the peoples of the world, it [the UN] has always served as a reserve weapon of the countries of the capitalist West.*”²

Kajian-kajian di atas menjelaskan bagaimana PBB telah gagal berperanan dalam konteks memulihara dan mengembalikan keamanan di negara-negara bergolak khasnya dalam perkembangan mutakhir ini di bumi Iraq. Justeru, tidak hairanlah ia telah mendapat kritikan banyak pihak dalam nada seragam dan meluas. Kini suara-suara lantang yang mendesak agar struktur dan kepimpinan PBB dirombak semula telah mula kedengaran semula.

Antara suara tokoh dunia membangun yang mengkritik kegagalan PBB dan mencadangkan rombakan ke atasnya ialah Tun Dr Mahathir Mohamad. Ucapan beliau di

² Richard Gott, “The United Nations: The End of an Era” dlm *Dominance of the West Over the Rest* (Penang: JUST, 1995), hlm. 65

Diners Club Maktab Turus Angkatan Tentera turut mendedahkan banyak perkara mengenai kegagalan PBB berperanan sebagai badan dunia yang demokratik. Misalnya, beliau menyatakan :³

“Oleh kerana keanggotaan PBB semakin meningkat, demokrasi dalam sistem PBB menjadi lebih memuaskan bagi pengajuran demokrasi. Sebaliknya mereka mengubah haluan ke arah oligarki dan seterusnya menjadi pemerintahan diktator di kalangan negara-negara paling kuat di dunia. Kini kita kembali kepada era peluasan kuasa bangsa di mana kuasa besar adalah benar.

Ketidakacuhan paling nyata terhadap prinsip penyatuan dunia untuk mencapai kebaikan bersama adalah keputusan dua pengasas utama, iaitu Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom, untuk tidak menghiraukan langsung PBB dan menyerang Iraq dengan dalih bahawa Iraq mengancam akan menggunakan senjata pemusnah besar-besaran ke atas Britain dalam masa 45 minit arahan dikeluarkan oleh Saddam Hussein.”

Mengulas isu di Palestin yang berlarutan sejak tahun 1948 lagi Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan lagi :

“Ia berlaku kerana satu-satunya pertubuhan yang dapat membetulkan kesalahan yang dilakukan terhadap mereka yang tidak berdosa, [iaitu] PBB telah gagal. Ia gagal kerana ia telah diculik oleh negara yang amat berkuasa. Ia gagal kerana negara yang berkuasa tidak peduli sesuka hati. Ia akan gagal lagi sekiranya negara yang berkuasa dibenarkan untuk memanipulasi pertubuhan itu dan menggunakan pertubuhan itu dan namanya untuk meneruskan polisi dan objektif mereka.”

³ Utusan Malaysia, 12 Mei 2004

Menginsafi kelemahan PBB ini, beliau menyarankan : “*Keganasan yang dihadapi oleh dunia sekarang akan berterusan. Ia akan berterusan sehingga negara yang berkuasa dikalahkan. Atau apabila negara yang berkuasa kembali sedar.*”

Sebagai mengakhiri ucapannya, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan:

“*Dalam proses ini hanya PBB yang demokratik dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan adil dan menamatkan semua bentuk keganasan.*

Oleh kerana kuasa besar yang menjadikan PBB tidak berkuasa melalui tindakan tidak demokratik, maka mereka yang perlu dipersalahkan, dan mereka perlu melakukan perubahan pada diri sendiri dan menyumbang kepada persidangan penyelesaian konflik secara demokratik yang dianjurkan oleh PBB.

Saya telah diminta untuk menyampaikan ceramah mengenai ‘Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Orde Baru Dunia’. Pada masa ini tidak ada Orde Baru Dunia hanya Orde Lama Dunia di mana kekuatan dianggap benar dan mereka hanya mementingkan diri sendiri.”

Maka, melainkan kepimpinan dan struktur PBB dipulih dan direformasikan, konflik dan ketegangan di negara bergolak seperti di Palestin, Iraq dan Afghanistan serta lain-lain negara di mana Islam dan Barat mempunyai kaitan langsung dan tidak langsung, akan terus berlangsung dan tidak mudah diatasi pada masa-masa akan datang. Mungkin pandangan ini bernada pesimistik, namun kita tidak boleh menolak hakikat bahawa kuasa adalah kebenaran (*might is right*). Justeru, jika dunia masih meletakkan sandaran apatah lagi terus berkiblat kepada pandangan, ideologi dan piawaian Amerika Syarikat, kita hanya akan menempa kegagalan demi kegagalan. Hakikat ini dijelaskan oleh Farouk

Kaddoumi, Menteri Luar Palestin apabila beliau berkata bahawa AS tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan segala rancangan perdamaian yang telah dipersetujui. Kata beliau “*AS merangka pelan damai dan sehingga kini tidak ada satupun yang dapat dilaksanakan kerana sikap memihak negara itu kepada Israel.*”⁴ Peristiwa mutakhir iaitu penyeksaan tahanan Iraq di Kem Abu Gharib, Iraq turut menjadi petanda jelas bahawa AS dan sekutu kuatnya Britain tidak jauh berbeza dengan kekejaman regim Saddam Husein yang digulingkan setahun yang lalu.

Seluruh dunia tidak harus memadai dengan mengutuk AS di atas kezaliman yang dilakukan tetapi bertindak agar kuasa hegemoni tersebut itu ditundukkan di bawah hukum antarabangsa. Ini tidak akan berlaku sehinggalah reformasi kepimpinan dan struktur PBB dilakukan, terutamanya ke atas institusi Majlis Keselamatan dan hak memiliki veto yang dipegang lima kuasa besar dunia. Tindakan yang lebih konkrit, bersepadau dan melibatkan semua kekuatan institusi antarabangsa selain PBB pasti dapat mengendurkan kerakusan kuasa Amerika Syarikat menguasai dunia melalui Tatacara Baru Dunia. Jika tidak, kenyataan pemimpin dunia seperti Clement Attlee, Perdana Menteri Britain pada tahun 1946 hanyalah suatu bentuk retorik semata-mata :⁵

“Tujuan muktamad kita hendaklah jelas. Kita bukan sahaja menolak perperangan, tetapi kita ingin mewujudkan dunia yang selamat dan bebas, dunia yang ditadbir secara adil dan bermoral. Kita ingin menegaskan betapa pentingnya hak berbanding dengan kekuatan dan kebaikan menentang sikap mementingkan diri sendiri dan tujuan yang memihak.”

⁴ Utusan Malaysia, 22 April 2004

⁵ Michael Pollard, hlm 7

Selain daripada itu, badan utama PBB seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice, ICJ*) juga harus diberi lebih kuasa dan mandat untuk melaksanakan kehakimannya ke atas kes-kes yang dibawa kepadanya. Ini adalah kerana selama ini ICJ tidak mempunyai autoriti untuk menguatkuasakan keputusannya. Sekali lagi, dalam isu ini, kuasa besar seperti AS terlepas dari ‘dosa’ dan kesalahannya apabila dalam satu kes ia enggan akur terhadap keputusan ICJ bahawa AS telah bersalah kerana mencampuri hal ehwal dalam negara Nicaragua. Bahkan lebih awal lagi AS menolak usaha Nicaragua membawa protesnya kepada ICJ untuk mendapat pengadilan.⁶ Dengan kata lain, sekurang-kurangnya dalam isu Nicaragua ini, AS tidak mengiktiraf institusi ICJ sebagai salah satu badan utama PBB.

Oleh itu, adalah jelas bahawa dari segi memelihara dan mewujudkan keamanan struktur PBB wajib dirombak semula demi mewujudkan keadilan sejagat kepada semua negara anggotanya, tidak kira sama ada negara-negara kecil seperti dunia ketiga maupun negara-negara maju seperti kuasa besar dunia. Usaha yang lebih konkret dan bersepadu semua pihak patut diteruskan dan dilipatgandakan untuk menundukkan kuasa dan niat hegemoni kuasa besar dunia. PBB bukanlah hak ekslusif sesebuah negara, sebaliknya ia adalah milik warga dan semua negara dunia ini. Misi keamanan seperti yang lambangkan oleh dua tangkai daun zaitun yang mendakap peta dunia⁷ mestilah direalisasikan oleh badan dunia ini berteraskan hak sama rata semua negara anggotanya. Bagi mana-mana negara anggota yang enggan patuh kepada resolusi PBB, tindakan dan penggunaan ketenteraan bukan sahaja menjadi pertimbangan lagi tetapi suatu yang mesti disahkan

⁶ *Ibid.*, hlm. 30

⁷ *Ibid.*, hlm. 7

tanpa berbelah bagi. Apabila ini berlaku penganjuran dialog antara peradaban lebih mudah dilaksanakan.

6.2.2 Memperkuuh Amalan Demokrasi Tulen Di Negara Barat dan Pemerintahan Khilafah Islam di kalangan Negara Islam

Sistem politik dan pemerintahan sesebuah negara-bangsa mempengaruhi bentuk hubungan dengan negara lain. Selepas Perang Dunia II, hubungan negara kapitalis yang mengamalkan demokrasi menjadi dingin dengan negara sosialis yang mengamalkan sistem komunis. Perang tidak nyata antara kedua-dua pihak ini akhirnya berkesudahan dengan kemenangan negara Barat kapitalis yang mengamalkan demokrasi. Runtuhnya tembok Berlin pada tahun 1989 dan perpecahan Kesatuan Soviet dan Yugoslavia menjadi simbolik kepada lalutnya pengaruh sosialis komunis di dunia. Semenjak dari itu, umumnya kebanyakan negara-bangsa di dunia hari ini telah menganuti faham demokrasi dan ekonomi kapitalis tajaan Barat.

Ironisnya, bagi negara-negara dunia ketiga yang turut mengamalkan pemerintahan demokrasi masih juga tidak maju. Bahkan negara-negara ini mengalami krisis politik dan kemunduran ekonomi sehingga memberi kesan kepada kebijakan dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Dalam situasi begini, faktor kepimpinan yang tiada integriti seperti berleluasanya amalan rasuah dan berkembangnya amalan kronisme dan nepotisme adalah

antara punca kemunduran dan kelemahan dalam negara-negara demokrasi dunia ketiga tersebut.

Sementara itu, dalam suasana sekarang, penyatuan umat Islam ini seperti mana yang pernah dilaksanakan semenjak daulah Islam mula diasaskan dan kemudian berkembang hingga ke zaman Khilafah Uthmaniah di Turki adalah suatu yang sangat mendesak bagi mengimbangi kuasa Barat yang meluas dan dominan. Kesatuan ini akan membentuk kekuatan atas nama *ukhuwah Islamiah* yang mampu menggerunkan musuh-musuh Islam.

Di samping itu kesatuan umat Islam ini juga boleh mengubah sikap dan dasar luar negara Barat agar lebih prihatin, berhati-hati, dan lebih objektif dalam mengendalikan masalah dalaman dan hubungan antarabangsa kedua belah pihak. Sungguhpun gagasan besar umat Islam ini suatu yang sukar untuk dilaksanakan dalam konteks hari ini, namun hakikatnya adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk menegakkan sunnah Nabi yang terbesar ini. Hanya dengan mempelajari dan menginsafi sejarah silam – kecemerlangan dan kejatuhan khilafah Islam – harapan ini boleh menjadi kenyataan suatu hari nanti. Bagi mencapai matlamat ini gerakan Islam harus meluaskan gerak kerjanya dan memperkasa agenda *tarbiyyah* agar amal dakwah terus dijalankan berasaskan prinsip al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. OIC mungkin boleh menjadi asas kepada penubuhan khilafah Islam dalam bentuk dan rangkanya yang baru.

Kesan langsung daripada pengukuhan amalan demokrasi tulen dan sistem khilafah Islam ini ialah kedua-dua belah pihak Islam dan Barat akan saling hormat menghormati dan mengiktiraf kewujudan masing-masing serta memberi hak kedaulatan dan mandat memerintah negara sepertimana yang disuarakan rakyat melalui sistem politik yang digunakan. Pendapat Prof. Dr Youssef Qaradawi yang menyatakan bahawa demokrasi adalah tidak bercanggah dengan Islam⁸ wajar direnungi kembali oleh kelompok Islamis agar polemik dan penolakan terhadap sistem demokrasi Barat selama ini tidak lagi berterusan hingga menimbulkan konflik antara kerajaan dengan mereka.

Falsafah tulen yang mendasari setiap sistem politik sama ada Islam atau Barat menuntut suara dan kepentingan atau kebijakan rakyat menjadi ukuran dan pertimbangan pemerintah. Ini secara tidak langsung membolehkan dialog peradaban berjalan lebih lancar dan fasih berbicara tanpa ada kepentingan dan niat hegemoni tersirat oleh mana-mana pihak khasnya kuasa besar dunia.

6.2.3 Kembali kepada Kemurnian Ajaran Agama dan Nilai-nilai Tradisi

Kaedah ini membawa kita kembali kepada fitrah asal kejadian kita, terutamanya menurut kepercayaan agama langit. Juga berdasarkan kepada sejarah kewujudan agama dan masyarakat bahawa realiti sosial tidak boleh dipisahkan daripada kebenaran dan pengaruh kerohanian. Menurut Arnold Toynbee penyelesaian kepada masalah dan kemelut

⁸ Lihat Hamam Abdelmaboud, "Democracy Compatible With Islam", *Harakah* 27 Rabiulakhir – 12 Jamadilawal 1425 H, hlm. 22

masyarakat moden hanya boleh ditawarkan oleh atau melalui revolusi kerohanian. Beliau menyatakan :

“I agree that the sickness of modern society can be cured only by a spiritual revolution in the hearts and minds of human beings. Social maladies cannot be remedied by organizational changes; all attempts at such remedies are superficial. They either reject all organization, or they merely replace one form of organization with another. The only effective cures are spiritual. Every social sickness, a new and more satisfactory of society can be built on the new and better spiritual foundation. Short of this, I see no possibility of a cure.”⁹

Dengan maksud yang sama tetapi menggunakan alasan moral sebagai punca masalah kehidupan E. F. Schumacher menyatakan : “*There is no economic problem and, in a sense, there never has been. But there is a moral problem.*”¹⁰ Agama juga menurut A.N. Whitehead adalah suatu yang fundamental dalam pendidikan.¹¹ Jika pandangan ini diterima bermakna ia bercanggah dengan anutan utama masyarakat Barat iaitu sekularisme – yang telah berakar umbi sejak abad 16 M lagi di Eropah. Maka, sudah tentu usaha kembali kepada ajaran agama yang quodus adalah terlalu sulit memandangkan ‘kejayaan’ dan pencapaian yang sangat pesat, maju dan canggih oleh masyarakat Barat setelah mengasingkan pengaruh agama (*Christian religion*) daripada seluruh kehidupan mereka, baik di peringkat peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam teologi

⁹ Kenyataan beliau dirakamkan dalam buku Choose Life, tulisan bersama dengan Daisaku Ikeda, 1976. hlm. 129 dan dipetik oleh Dr. Chandra Muzaffar dalam tulisannya “Towards a Spiritual Vision of the Human Being” dlm. *The Human Beings: Perspectives from Different Spiritual Traditions* (Penang: Aliran, 1991) hlm. 199

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 207

¹¹ Dinyatakan oleh beliau dalam bukunya bertajuk *Aims of Education and Other Essays*. Lihat Dr. Muhammad Muslehuddin, Bentuk dan Ciri-ciri Pendidikan Islam, terj. Yusof Ismail daripada karya asal *Islamic Education: Its Form and Features*, (Petaling Jaya: Syarikat ‘Ali Imran, 1988), hlm. 52

Kristian, kecenderungan untuk kekal dalam sekular telah mendapat kritikan Reverend Wesley Ariarajah. Beliau menyenggung :

*“Christian theology should allow God to be God; it should not own God, as we own a piece of private property. We cannot fence God in and say: “Well, if you want to know God, come through this gate.” We do not own God; God owns us, and God owns the whole of creation.*¹²

Namun, perkembangan yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini, khususnya dalam masyarakat Barat hari ini, menunjukkan tanda-tanda kesedaran betapa pentingnya agama sebagai sumber kerohanian peribadi insan, atau sekurang-kurangnya wujud kecenderungan untuk mengisi kekosongan spiritual. Ini dapat dikesan melalui pembangunan kecerdasan ketiga iaitu Kecerdasan Spiritual atau *Spiritual Quotient* (SQ) di Barat dan kemunculan *New Age* yang menunjukkan manusia ingin mencapai *higher consciousness*.¹³ Penulis optimis bahawa secara beransur-ansur idea ini akan diterima secara meluas dan meliputi golongan berpengaruh sama ada individu atau pun kelompok yang lebih besar. Ini berdasarkan kepada perkembangan semasa hari ini.

Melalui premis di atas jelas bahawa ajaran kerohanian daripada agama, khasnya agama *samawi* berupaya membawa keinsafan sebenar kepada umat manusia keseluruhannya. Ini secara langsung akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan semua peserta dialog peradaban untuk memilih dan menetapkan rumusan atau alternatif yang lebih tepat kepada kebenaran kerana semua pihak tersebut akan mengutamakan

¹² Lihat Wesley Ariarajah, *The Bible and People of Other Faiths*, World Student Christian Federations and Development, (Hong Kong: Asia/Pacific, 1985), hlm. 97

¹³ Shahrom TM Sulaiman, *Terorisme Global dan Pengganas Agama: Cabaran Hidup Beragama pada Alaf Baru* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), hlm. 138 dan 149

kepentingan kemanusiaan lebih daripada kepentingan politik, ekonomi atau survival sempit bangsa atau agama masing-masing. Ini adalah kerana pengembalian kepada ajaran asas agama dan nilai tradisi yang murni adalah satu-satunya jalan ke arah penerimaan hakikat kejadian insan untuk memakmurkan kehidupan di dunia. Seluruh masyarakat dunia, baik Islam dan Barat (khususnya) perlu melakukan anjakan paradigma dan kerohanian agar kembali kepada agama dan tradisi masing-masing – dalam makna dan penghayatan asal yang asli – untuk menjamin kelangsungan hidup bersama di dunia ini. Hal ini ditegaskan oleh Syed Abdul Latif :¹⁴

“If Europe and all those countries outside of it which have imbibed its spirit are to turn over a new leaf, they must reorientate their cultural outlook and accept or return to ideas on which alone the Kingdom of God will rest and through which alone humanity will find universal peace and happiness.”

Pemilihan dan penggunaan frasa ‘Kingdom of God’ oleh Syed Abdul Latif tidak dikhurasukan kepada makna daulah Islam. Dengan maksud yang umum, beliau menjelaskannya dan turut menekankan lagi kepentingan aspek kerohanian :¹⁵

“I have borrowed the term ‘Kingdom of God’ from deliberately religious vocabulary, partly for the reason that there is no other term which can so fully express my view of a new world order, but chiefly because I am firmly convinced in mind that whatever the order one may evolve for tomorrow, it will not stand for long unless it satisfies some spiritual law of life of fulfils some high universal purpose, and is determined, at the same time, never to let law of the jungle, or the pagan conception of the fittest

¹⁴ Syed Abul Latif, *The Mind Al-Qur'an Builds* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2002), hlm. 120
¹⁵ *Ibid.*

and the control of the world by race of supermen, raise its hideous head again to renew the struggle for the sovereignty of the earth.”

Konflik dan kemelut kemanusian yang telah terjadi sejak zaman Nabi Adam a.s. lagi hingga kini adalah hakikatnya merupakan takdir Allah. Tapi segala bentuk kerosakan dan kemasuhan yang berlaku disebabkan oleh manusia itu sendiri, seperti yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam firmannya yang bermaksud : “*Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).*”¹⁶ Oleh yang demikian, pengembalian kepada ajaran agama setelah menginsafi kesalahan dan dosa yang manusia telah lakukan selama ini akan dapat membantu usaha-usaha ke arah penginstitusian dialog peradaban dengan lebih berkesan lagi. Dalam konteks umat Islam, Ali Syariati mempunyai saranan terbaik untuk direnungi bagi mengubah jati diri keperibadian dan sosial umat Islam apabila menyeru kepada usaha dakwah. Katanya :¹⁷

“To emancipate and guide the people, to give birth to a new love, faith, and dynamism, and to shed light on peoples’s hearts and minds and make them aware of various elements of ignorance, superstition, cruelty and degeneration in contemporary Islamic societies, an enlightened person should start with “religion”.

Beliau menambah bahawa gerakan dakwah berupaya membangkitkan dan menguja kesedaran untuk menjana kehidupan yang bertenaga,¹⁸ berpetunjuk dan

¹⁶ Al-Qur'an, Surah Ar-Ruum (30):41

¹⁷ Ali Syariati, *Enlightened Thinkers and The Revolutionary Society* (Penang: Citizens International, 2002), hlm 45

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 46

progresif yang secara langsung dapat membantu usaha merapatkan jurang antara umat Islam dengan umat bukan-Islam terutamanya orang Barat.

6.2.4 Meningkatkan Kecelikan dan Kesedaran Untuk Hidup Harmoni Bersama-sama

Pihak berkuasa tempatan dan antarabangsa harus sentiasa menggalakkan aktiviti di kalangan ahli *inter* dan *intra* masyarakat masing-masing. Aktiviti-aktiviti ini harus melibatkan penyertaan menyeluruh semua kelompok masyarakat. Amalan di Malaysia seperti Hari Terbuka Malaysia sempena sambutan atau keraian hari kebesaran agama dan bangsa adalah satu contoh yang baik bagi memupuk keharmonian dan rasa kebersamaan antara etnik berbeza.

Selain daripada itu sesi diskusi ilmiah dan bukan-ilmiah, sama ada terbuka atau tertutup, boleh dianjurkan mengikut sasaran pesertanya bagi menjelaskan isu-isu tertentu seperti terrorisme dan fundamentalisme mengikut kaca mata peradaban, agama dan budaya. Melalui usaha ini, agama Islam yang selalu dimomokkan sebagai punca kepada kelahiran ekstrimis antarabangsa dapat diberi peluang untuk memperjelaskan hakikat sebenar konsep dan praktis, sekaligus membela dirinya.

Bagi menjayakan usaha ini, pihak media harus tampil dan memberi ruang seluas-luasnya agar isu sepenting ini dapat disalurkan kepada masyarakat meliputi kumpulan

sasar dan jarak yang lebih luas. Dengan kecanggihan ICT hari ini konsep langit terbuka dan perkampungan sejagat dapat direalisasikan dengan kaedah paling berkesan, cepat dan kreatif. Rancangan antarabangsa seperti *Discovery Channel* dan *National Geographic* yang cukup berpengaruh boleh dimanfaatkan untuk tujuan ini. Namun, jika media komersil atau konvensional hari ini tidak dapat memberikan ruang yang lebih luas, pihak yang berkenaan harus mewujudkan media alternatif dengan dokongan dan sokongan pihak yang berautoriti seperti NGO antarabangsa atau PBB sendiri. Pengisytiharan tahun 2001 sebagai “Tahun Dialog Peradaban” oleh PBB harus disusuli dengan program-program konkret di peringkat antarabangsa dan tempatan agar gagasan besar ini terus menjadi prioriti di kaca mata masyarakat dunia. Presiden Iran, Mohammad Khatami baru-baru ini dalam Sidang Kemuncak Media Asia di Kuala Lumpur menegaskan mengenai kepentingan media dalam mempromosikan dialog peradaban, dengan katanya:¹⁹ “*Media dapat menyebarkan pendapat individu dan masyarakat yang dijana dari dialog tersebut yang akhirnya akan dapat membentuk persefahaman bersama.*” Katanya lagi: “*Dengan tercapainya persefahaman bersama ini akan membolehkan usaha bersama dilaksanakan bagi membangunkan budaya dan sosial yang diterima oleh semua.*” Selanjutnya, bagi mengatasi tekanan dan suasana benci dan keganasan yang diwujudkan oleh kumpulan-kumpulan penentang dialog peradaban ini beliau menyarankan : “*Media perlu berani untuk menyuarakan dialog antara peradaban agar ia dapat membangunkan sikap bertimbang rasa dan sayang di kalangan masyarakat antarabangsa*” .

Lebih bererti lagi, melalui pemaparan kisah sejarah silam berasaskan fakta sebenar mengenai kehidupan masyarakat pelbagai bangsa khasnya kepada masyarakat

¹⁹ *Utusan Malaysia*, 20 April 2004

Barat dan dunia bukan Islam lain banyak perkara yang terselindung dan terpesong mengenai Islam dapat didedahkan. Dalam konteks kehidupan harmoni masyarakat majmuk, Islam sangat kaya dengan pengalaman-pengalaman yang boleh menjadi teladan untuk diwarisi oleh masyarakat Islam hari ini dan masyarakat dunia umumnya. Ini adalah kerana sejarah Islam telah dilakar dengan keperibadian nabi dan para sahabat yang tiada tolok bandingnya menjadikan ia unik, istimewa dan ulung. Sejarah ini tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas dan sentiasa relevan dengan dunia semasa moden hari ini.²⁰

6.2.5 Memperbetul Asas Pendidikan

Pada hemat penulis semua permasalahan yang timbul dapat diatasi melalui kaedah dan asas pendidikan yang betul, tepat dan bersesuaian dengan maksud memenuhi keperluan sejagat. Semua insan dalam semua masyarakat memulakan kehidupannya sebagai pelajar di sekolah tempat di mana pendidikan rasmi diperkenalkan dalam hidup mereka tanpa kecuali. Pendidikan adalah *wasilah* terbaik dan paling efektif untuk memupuk dan menyuburkan kasih sayang sesama insan walaupun berlainan ras, warna kulit, kepercayaan dan sebagainya. Ini adalah kerana pendidikan, secara konsep dan falsafahnya, bertujuan untuk melahirkan insan yang pandai berfikir dan terjana keperibadiannya secara seimbang.²¹ Justeru, institusi pendidikan mestilah dalam amalannya mempamerkan matlamat pendidikan ini sepenuhnya agar mesej kehidupan

²⁰ Lihat K.J. Ratnam, *Rights, Freedoms and the Civil Society* (Pulau Pinang: Penerbit USM, 2003), hlm. 47.

²¹ Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, pelajar hendaklah dibina potensi jasmani, emosi, intelek dan rohaninya. Selain itu, disiplin ilmunya diajar secara tidak terpisah-pisah bahkan hendaklah secara bersepadu antara ilmu duniawi dengan ilmu ukhrawi atau pendidikan moral.

yang sangat berharga ini dapat dititip dan kemudian subur bercambah dalam pemikiran sehingga membentuk kepercayaan para pelajar bahawa kita dilahirkan berbeza untuk saling kenal-mengenali antara satu sama lain. Prinsip ‘*agree to disagree*’ misalnya harus ditanam dan difahami seawal mungkin dalam minda dan hati para pelajar kita.

Pendidikan juga harus difahami dan diamal dalam konteksnya yang luas. Ia bukan semata-mata kerja dan proses rasmi di sekolah, tetapi harus dikongsi bersama oleh para ibu bapa dan semua ahli masyarakat kerana golongan inilah yang memberikan pengaruh besar kepada kehidupan anak-anak. Ini adalah kerana suasana keluarga dan masyarakat adalah persekitaran sebenar yang dilalui saban hari, sedangkan suasana sekolah menawarkan prinsip, teori dan pengalaman kehidupan yang terbatas olehkekangan masa, ruang dan kuasa. Tanpa faktor ini usaha murni dan quodus pendidikan tidak akan tercapai sepenuhnya.

Dalam hal ini, erti atau matlamat dan pelaksanaan pendidikan mestilah meliputi pembentukan sahsiah atau moral. Sungguhpun masyarakat atau bangsa yang sekular seperti di Barat tidak beriman dengan ajaran agama secara komprehensif dan inklusif, namun nilai-nilai universal tertentu tetap wujud dalam masyarakat tersebut. Nilai-nilai tersebut termasuklah kasih sayang dan keprihatinan mendalam terhadap keadilan, simpati ke atas mereka yang bernasib malang atau menjadi mangsa kezaliman dan kecintaan dan keintiman dalam hubungan kekeluargaan. Bahkan dalam masyarakat beragama sekalipun, nilai-nilai sejagat ini secara relatifnya begitu miskin dalam amalan kehidupan mereka.

Maka, melalui pernbetulan asas pendidikan, semua umat manusia dapat dipersaudarakan melalui hati yang cintakan kedamaian dan jiwa yang halus kemanusiaannya.

Antara sifat mulia yang mengutamakan kelembutan hati ialah dengan mendahulukan kaedah tanpa kekerasan. Mungkin juga kita harus mencontohi langkah Gandhi dalam menangani kolonial Inggeris di India. Berbekalkan *satyagraha*, beliau telah berjaya menundukkan kekerasan pihak kolonial, dan orang Islam India yang menentangnya melalui manifestasi kasih sayang dan pendekatan tanpa kekerasannya²². Pada satu situasi yang lain ketika berucap mengenai hubungan kaum pada 26 Mac 1930, sebagai menjawab persoalan mengenai ketegangan Hindu-Islam ketika itu yang menggugat usaha ke arah kemerdekaan India, Gandhi menyatakan²³:

“I never dreamed I could win merely through my effort or assisted only Hindus. I stand in need of assistance of Muslims, Parsis [Zoroastrians], Christians, Sikhs, Jews, and all other Indians. I need even the assistance of Englishmen.”

Kaedah ini juga telah pun pernah diamalkan dalam sejarah manusia terdahulu. Nabi Muhamad s.a.w. sendiri sangat kaya dengan sifat lemah lembut dan pemaafnya. Misalnya, Hind binti ‘Utba²⁴ yang telah memakan hati bapa saudara Nabi iaitu Hamzah yang dibunuh dalam satu peperangan telah mendapat pengampunan ketika Nabi memasuki Mekah dalam Peristiwa *Fath Makkah*.²⁵

²² Charles Kimbal, *When Religion Becomes Evil*, (New York: HarperSan Francisco, 2003), hlm. 153

²³ *Ibid.*

²⁴ Dr. Louay Fatoohi, *Jihad in the Qur'an: The truth from the Source*, Revised and expanded Second Edition (Kuala Lumpur: A.S.Nordeen, 2004), hlm. 69-70.

²⁵ Untuk contoh-contoh sebenar dalam peradaban Islam, lihat tulisan Maulana Wahiduddin Khan, *Islam Rediscovered* (New Delhi: Goodword Books, 2001), hlm 104-106. Tulisan ini membawa beberapa contoh klasik dalam Seerah Muhammad s.a.w. dan para sahabat tentang bagaimana pendekatan aman tanpa

6.2.6 Mewujudkan Lebih Banyak Pengajian Perbandingan Agama, Budaya dan Tamadun

Sebenarnya kajian ilmiah terhadap epistemologi ilmu, termasuk yang berkembang di dunia Barat hari ini pernah dibuat oleh sarjana Islam dan Barat sendiri. Apa yang diperlukan ketika ini ialah usaha bersepada memperluaskan semua hasil kajian ini di semua peringkat institusi pendidikan. Ironisnya, Barat yang mendakwa mempunyai piawaian dan metodologi disiplin ilmu yang tinggi dan ketat gagal bersikap akur dengan kebenaran dan fakta apabila berdepan dengan Islam.

Tidak berhenti setakat itu, golongan intelektual mereka telah berusaha menyembungi dan sesetengahnya memalsukan pula fakta sebenar demi untuk mengekalkan ‘kebenaran’ bahawa perkembangan ilmu mereka semata-mata bersumberkan langsung dari peradaban Greek, Yunani atau Rom klasik dahulu. Peranan dan sumbangan peradaban Islam tidak langsung diiktiraf. Fuat Setzgin, seorang sarjana Turki di Universiti Frankfurt merumuskan dalam bukunya *Geschichte des Arabischen Schrifttumms* (History of Arabic Writtings) bahawa dunia Barat zaman pertengahan ‘diligently imitated, copied and plagiarised the works of Muslim scientist.’²⁶ Sebagai

kekerasan telah dipraktik dan sentiasa didahulukan apabila berhadapan dengan musuh-musuh Islam. Boleh disimpulkan bahawa baginda sentiasa memimpin bala tentera Islam agar bertindak secara defensif, dan bukan sebaliknya. Hanya sekiranya risalah ‘akidah Islam benar-benar terancam ketika meluaskan sempadan wilayah Islam barulah baginda terpaksa menggunakan kekerasan memerangi musuh. Namun tindakan ini dilakukan dengan penuh akhlak dan jauh daripada amalan menindas dan menzalimi tawanan perang, kanak-kanak, kaum wanita dan orang tua serta memusnahkan harta benda dan tempat ibadat – sepertimana yang jelas diurnal oleh tentera bukan Islam di medan perang.

²⁶ Menurutnya lagi jenayah akademik sarjana Barat ini telah bermula seawal abad ke-12 lagi. Buku beliau telah dihalang penjualannya kepada kaum Kristian melalui dekri di Seville kerana kaum ini telah menterjemahkan buku ini dan menerbitkannya di atas nama orang lain. Untuk lebih lanjut lihat Mohammad Ilyas, ed., *The Unity of Science & Religion* (Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, 2002), hlm 24

tambahan, kajian oleh Ziauddin Sadar memperkuatkan lagi bukti mengenai jenayah akademik oleh sarjana Barat tersebut. Beliau menulis dalam New Scientists:²⁷

*“While the works of Muslim scientists and technologists and their tremendous influence on Western science are relatively unknown, their achievements in astronomy, physics, biology, medicine, chemistry and mathematics are still attributed to Western scientists – for example, the discovery of planetary motion to Kepler and Copernicus, of the circulation of blood to Harvey, and of gravity and various discoveries in optics to Newton. Western historians of science have systematically and consistently played down the contribution of Muslim scientists to civilization. For instance, pick up any introduction to the history of science and it will jump from the Greeks to the Renaissance as though the centuries in between were intellectually sterile (in his four-volume 1325 page, *Science in History*, J.D. Bernal devotes 10 pages to Islamic Science!). Clearly, serious rectifications have to be made in all areas of the history of science: for whether they (Muslims) discovered the lesser pulmonary circulation or undertook complicated eye operations 600 years earlier than Europe; invented spherical trigonometry in the late 10th century; solved equations of third and fourth degree or further developed differential and integral mathematics...or anticipated relativistic motion, There is scarcely a field where Muslim scientists did not think out, investigate something exemplary.”*

Di samping itu, pengajian orientalisme²⁸ yang telah lama menjadi disiplin dan rujukan Barat wajar diimbangi oleh pengajian oksidentalisme. Sebagai suatu kemestian,

²⁷ *Ibid.*, hlm. 22. Dipetik daripada tulisan Ziauddin Sardar, “Can science come back to Islam?” *New Scientist*, 23 October 1980, hlm. 230.

²⁸ Sumbangan disiplin ini kepada polisi imperialisme dan kolonialisme Barat boleh dikatakan berjaya. Sungguhpun orientalisme tidak lagi sepenting era kolonialisme Barat ke atas dunia Timur khasnya dunia Islam, kita wajar memahami akan falsafah dan motif pengasasan disiplin ini. Karya-karya oleh sarjana Islam seperti Mahmud Hamdi Zaqquq, *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam* dan Maryam Jameelah, *Islam and Orientalism* – koleksi tulisan orientalis Barat, dapat menunjukkan dengan

hasrat ini akan melipatgandakan usaha sedia ada untuk memperkayakan lagi khazanah ilmu, budaya dan peradaban Barat dari kaca mata sarjana Timur pula. Pendekatan ini difikir perlu kerana selama ini Baratlah yang menguasai dan menentukan hala tuju perkembangan disiplin ilmu termasuklah pengajian agama bangsa atau masyarakat bukan Barat, terutama sekali Islam, masyarakat Arab dan semua yang berkaitan dengannya. Ungkapan oksidentalisme dan cadangan penubuhan institusi khas bagi meneroka disiplin ini oleh Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO 2003 dan kemudian disokong oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu,²⁹ telah menguja dan memberikan momentum baru ke arah mewujudkan program pengajian oksidentalisme di universiti tempatan.

Kini cadangan ini telah menjadi kenyataan apabila Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini menukuhkan Institut Kajian Oksidental (IKON) baru-baru ini yang diterajui oleh Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin. Penulis percaya disiplin ini mampu memberi arah dan definisi yang lebih segar dan objektif mengenai masyarakat Barat dari kaca mata ilmiah melalui hasil kajian dan pengamatan sarjana tempatan dan dunia Timur lain, khususnya dari kalangan dunia Islam kerana mereka lah pihak yang pertama yang mesti berhadapan dengan segala dakyah dan momokan orientalis dan media Barat. Sebagai tambahan, tetapi juga penting ialah melaksanakan kempen mendedahkan identiti dan keperibadian orang Yahudi dan Zionis kerana

begitu jelas akan niat sebenar Barat terhadap dunia Islam. Di samping itu, karya Dr. Ahmad Ghorab, *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres*, yang ditulis pada 1995 pula mendedahkan peranan dan persekongkolan ulama dan sarjana Islam (mewakili kerajaan umat Islam) dengan para orientalis Barat dalam meneruskan usaha dan agenda jahat Barat untuk menjajah pemikiran dan gaya hidup umat Islam.

²⁹ Mustaffa Kamal Alias, "Giliran Timur Mengkaji Barat Melalui Oksidentalisme" dlm. *Utusan Malaysia*, 6 Mei 2004

berdasarkan teori konspirasi semua perubahan dalam dunia ini berlaku mengikut percaturan kelompok ini bagi memenuhi kepentingan mereka untuk menguasai dunia secara rahsia.

Dengan cara ini kita dapat berdialog dengan lebih berkesan, dan berkeyakinan kerana lebih memahami pemikiran, watak dan keperibadian orang Barat secara mendalam.

Secara tidak langsung juga kita dapat mempelajari dan menghalusi anasir-anasir baik daripada peradaban Barat untuk manfaat perkembangan peradaban kita orang Islam. Lagipun, peradaban Barat hari ini bukanlah peradaban yang telah semata-mata berdiri sendiri atau berakar dan kesinambungan dari peradaban Greek dan Yunani klasik dahulu. Sebaliknya ia adalah warisan daripada Judeo-Kristian-Islam di mana Islamlah yang menjadi jambatan penghubung antara peradaban Greek dan Yunani klasik dengan peradaban Barat hari ini.